



JOHOR BAHRU

Berdaya Huni

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang bahagian dalam penerbitan buku ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Cetakan tahun 2024



Waktu petang pergi memburu,
Memburu rusa di dalam hutan,
Selamat datang ke Johor Bahru,
Bandar raya kebanggaan Jauhar Selatan.

KANDUNGAN

JOHOR BAHRU BERDAYA HUNI

03 SEKAPUR SIRIH

04 PENGENALAN

05 PENDAHULUAN

13 SEJARAH BANDAR RAYA

21 MEMORABILIA JOHOR BAHRU

29 DATUK BANDAR JOHOR BAHRU

33 ANUGERAH & PENGIFTIRAFAN

39 KERJASAMA STRATEGIK

43 TARIKAN UNIK JOHOR BAHRU

65 PUSAT PERDAGANGAN EKONOMI,
PERNIAGAAN & INDUSTRI

73 WAY FORWARD JOHOR BAHRU

79 AGENDA SDG'S
MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAK

85 JOHOR BAHRU DI ERA PANDEMIK

93 SIDANG EDITOR



SEKAPUR SIRIH



DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN
Datuk Bandar Johor Bahru

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Bandaraya.

Syukur Ahamdulillah kerana dengan rahmat dan izin Allah SWT, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah berjaya menghasilkan penerbitan 'coffee table book' berjudul 'Johor Bahru Berdaya Huni' sempena ulang tahun perisytiharan Majlis Bandaraya Johor Bahru ke-30 ini. Sebagai Pihak Berkua Tempatan yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan perkhidmatan perbandaran di bandar raya Johor Bahru ini, semestinya satu hala tuju yang jelas perlu diwujudkan dan diselaraskan dengan dasar Kerajaan Negeri seperti Pelan Pembangunan Mampan Johor 2021-2030, Pelan Strategik MBJB 2021-2025, Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkua Tempatan dan sebagainya.

MBJB merupakan PBT yang pertama dinaik taraf kepada status 'Bandaraya' di negeri Johor dan antara yang terawal di peringkat kebangsaan. Sesuai dengan hakikat itu, MBJB harus mencerminkan kematangan ini dengan melakukan anjakan yang lebih besar dalam menghadapi cabaran semasa dan menggalas harapan warga bandar raya yang menuntut penyampaian perkhidmatan kelas pertama. Saya yakin bahawa melalui penerbitan naskhah ini, warga bandar raya dapat bersama-sama melihat dan memberikan gambaran berkenaan visi MBJB dalam membangunkan sebuah bandar raya yang bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari di tahun-tahun akan datang.

Akhir kalam, sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja MBJB yang terlibat di dalam proses menjayakan penerbitan buku ini. Besar harapan saya agar dokumen ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan menjadi panduan serta rujukan warga kerja MBJB bagi mencapai visi yang telah ditetapkan. Tiada cara lain untuk menempa kejayaan selain daripada bekerja sepasukan dengan niat murni berkhidmat demi warga bandar raya Johor Bahru.

Sekian, terima kasih.




PENGENALAN

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni

Buku Mewah (Coffee Table Book) berjudul 'Johor Bahru Berdaya Huni' ini diterbitkan bersempena Sambutan Jubli Mutiara Majlis Bandaraya Johor Bahru, iaitu genap 30 tahun MBJB mencapai status 'bandar raya' sejak dinaiktaraf daripada status Majlis Perbandaran Johor Bahru pada 1 Januari 1994.

Penerbitan buku ini secara tidak langsung menjadi 'jendela' bagi memperkenalkan bandar raya Johor Bahru kepada masyarakat di dalam dan luar Malaysia, terutamanya dari aspek sejarah bandar raya, hala tuju organisasi, kekayaan tradisi, warisan, masyarakat dan sebagainya.





PENDAHULUAN

BANDAR RAYA JOHOR BAHRU




Johor Bahru telah diisytiharkan sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim pada 1 Januari 1896. Sejarah Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pula bermula pada tahun 1933 apabila Lembaga Bandaran ditubuhkan, seterusnya dinaikkan ke taraf Majlis Bandaran pada tahun 1950. Pada April 1977, Majlis Bandaran Johor Bahru dinaiktaraf ke Majlis Perbandaran Johor Bahru (Town Council) dan seterusnya memperoleh status sebuah bandar raya pada 1 Januari 1994.

Kini dengan keanggotaan terkini seramai 1,396 orang warga kerja yang diketuaui oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Johor Bahru sedang melalui transformasi perkhidmatan melalui pendekatan pembelajaran secara berterusan melalui kursus dan latihan, pengurusan pembangunan kerjaya untuk mewujudkan anggota yang berdaya saing dan juga penerapan budaya kerja berprestasi tinggi melalui nilai dan etika positif di kalangan anggota. Ia secara tidak langsung dapat mewujudkan modal insan yang responsif, kompeten dan berintegriti. Selaras dengan visi MBJB 2021-2025 iaitu ‘Memperkukuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari’. MBJB juga mempunyai misi untuk mengukuhkan peranan organisasi sebagai pemacu dan pemudah cara strategik yang responsif terhadap perubahan untuk semua pihak berkepentingan, memastikan pembangunan bandar raya yang mampan, sejahtera dan makmur serta tinggi jati diri budaya dan menyediakan sistem penyampaian yang cekap, tadbir urus berkredibiliti tinggi, pengurusan sumber yang berkesan dan teknologi berinovasi untuk manfaat warga bandar raya.

SEJARAH NAMA JOHOR BAHRU

Tangga Duke tambatan ternama,
Tetamu negara datang berkunjung,
Tambak Johor penghubung utama,
Pintu masuk para pelancong.





ISKANDAR PUTERI

NAMA DIBERI...




Iskandar Puteri ialah nama lama bagi Johor Bahru yang telah dibuka secara rasminya oleh Temenggung Daeng Ibrahim setelah Sultan Ali Ibni Sultan Husain Syah bersetuju menyerahkan negeri Johor kecuali Kesang kepada Temenggung Daeng Ibrahim pada 10 Mac 1855.

Baginda telah memudiki Kuala Sungai Segget, lalu mendarat di tebing kanan bukit Tanjung Puteri dan mengisytiharkan kawasan tersebut sebagai 'Bandar Iskandar Puteri'. Di tempat inilah kemudiannya didirikan dengan rasmi sebuah batu peringatan oleh Sultan Ibrahim semasa sambutan perayaan 'Jubli intan' pemerintahan baginda pada tahun 1955 yang genap seratus tahun Bandar Johor Bahru dibuka.

Kerja-kerja merintis dan membina Bandar Iskandar Puteri dijalankan dari Teluk Belanga, Singapura, tempat tinggal Temenggung dan juga tempat lahir beberapa tokoh penting dalam sejarah pembangunan Kerajaan Johor moden. Temenggung Daeng Ibrahim telah membangunkan sebuah rumah di bukit yang sebelum ini dikenali sebagai Bukit Bendera tetapi kini dinamakan sebagai Bukit Timbalan.

Bandar Iskandar Puteri semakin pesat membangun, banyak kampung baharu mula dibuka dan penduduk semakin ramai. Kegiatan ekonomi turut bertambah dengan pembukaan kawasan perniagaan dan ladang tanaman. Setelah kemangkatan Temenggung Daeng Ibrahim pada 31 Januari 1862, Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor telah mengambil alih tumpuk pemerintahan. Pada 1 Januari 1866, Temenggung Abu Bakar telah mengadakan istiadat pertukaran nama Iskandar Puteri kepada Johor Bahru; seterusnya dijadikan ibu negeri Johor dan pusat pentadbiran Kerajaan Johor menggantikan Teluk Belanga di Singapura. Tindakan ini diambil kerana baginda mendapati kedudukan Iskandar Puteri adalah lebih baik dan lebih sesuai dari Teluk Belanga sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan. Di sinilah baginda memulakan pentadbiran secara moden sehingga Johor Bahru berkembang pesat.



Johor Bahru merupakan ibu negeri Johor Darul Ta'zim dan merupakan bandar raya paling selatan di Semenanjung Malaysia. Kedudukannya yang istimewa sebagai pintu masuk utama yang menghubungkan dua negara berjiran, Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor menyebabkan bandar raya ini digelar ‘Gerbang Selatan’ atau The Southern Gateway.

Tambak Johor sepanjang kira-kira 1,056 meter atau 3,465 kaki, merupakan penghubung utama Malaysia dan Singapura.



Terdapatnya infrastruktur yang baik di dalam bandar dan kepelbagaiannya jenis pengangkutan yang ada memudahkan bandar raya ini dikunjungi melalui jalan darat, udara dan air.

Selain itu, kemudahan sokongan seperti pengangkutan awam telah banyak memberi impak positif terhadap kehadiran pelancong luar dan juga penduduk setempat sendiri terutamanya yang bekerja di Singapura.



Bandar raya ini terletak kira-kira 370 km dari Kuala Lumpur dan boleh dihubungkan melalui jaringan lebuh raya utara selatan.



Johor Bahru juga boleh dimasuki dengan menggunakan laluan udara dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail Senai, berjarak lebih kurang 34 kilometer dari Johor Bahru.




Terminal Larkin Sentral menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam ke bandar raya Johor Bahru seperti perkhidmatan bas ekspres, taxi dan bas henti-henti.

Jeti Stulang yang berkedudukan di pinggir Selat Tebrau membolehkan para pengunjung dari Singapura dan Indonesia menggunakan perkhidmatan feri yang berlabuh di Terminal Feri Stulang. Pengangkutan awam ini mengambil masa kira-kira 90 minit masa perjalanan sekiranya destinasi menuju ke Pulau Batam, Indonesia.

Selain itu, bandar raya ini juga dihubungkan oleh jaringan kereta api yang dikawal oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Johor Bahru Sentral (JB Sentral) merupakan stesen kereta api KTM Antarabandar yang moden yang menghubungkan Hatyai di utara serta Singapura di selatan melalui stesen utama di Malaysia seperti Padang Besar, Alor Setar, Butterworth, Ipoh, KL Sentral, Seremban, Gemas dan JB Sentral.





JOHOR BAHRU
Berdaya Huni

JB Sentral merupakan sebuah hab pengangkutan di pusat bandar Johor Bahru yang menyediakan kemudahan pengangkutan awam seperti kereta api, bas dan teksi.



Pemandangan Johor Bahru dari Selat Tebrau kini.

Pemandangan Johor Bahru dari Selat Tebrau pada 1970-an.



SEJARAH BANDAR RAYA



SEJARAH BERMULANYA

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni

Mesra berkhidmat jujur berbakti,
Terpahat di hati janji dipadu,
Jaminan kami tingkatkan kualiti,
Buat warga bandar raya Johor Bahru.



Pasar lama di Jalan Segget pada tahun 1922

LEMBAGA BANDARAN (TOWNBOARD) (1910-1950)



LUAS KAWASAN

12.12 kilometer persegi (1933)
13.85 kilometer persegi (1949)

HASIL

\$27,314 (1910)
\$47,370 (1914)
\$764,061 (1949)

PENDUDUK

9,358 orang (1911)
50,000 orang (1955)



*Pejabat Lembaga Bandaran Johor Bahru
di Bangunan Syahbandar*

Sebelum kemasukan Penasihat Inggeris, pegawai yang menjaga Lembaga Bandaran terdiri daripada tokoh-tokoh tempatan.

Sebelum tahun 1925, kawasan pentadbiran Lembaga Bandaran merangkumi Renggam, Kluang, Sedenak, Bekok, Paloh, Batu Sepuluh Skudai dan Senai.

Pentadbiran jabatan dikendalikan oleh sebuah konstitusi yang terdiri daripada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Pengetua Pegawai Perubatan, Ketua Pesuruhjaya Polis dan beberapa tokoh jawatankuasa.

Sumber hasil diperoleh daripada kutipan cukai harta, lesen perniagaan, permit bangunan, sewa stor, gerai, lesen kenderaan, cukai air dan lesen anjing.



MAJLIS BANDARAN JOHOR BAHRU (1950-1976)

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



Bekas bangunan Majlis Bandaran Johor Bahru 1950-an

LUAS KAWASAN

48.99 kilometer persegi (1956)
68.42 kilometer persegi (1962)
80.53 kilometer persegi (1976)

PENDUDUK

130,000 (1970)
170,000 (1976)

HASIL

\$4,163,185 (1970)
\$5,296,499 (1976)



Pilihan raya pertama Majlis Bandaran Johor Bahru telah diadakan pada 6 Disember 1952 untuk bahagian Nong Chik, Air Molek dan Tebrau. Antara Ahli Majlis yang memenangi kerusi ialah Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman (Tambatan) dan Tun Sardon bin Haji Jubir (Wadi Hana).

Pada tahun 1950, Anggota Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, Setiausaha (Pegawai Perkhidmatan Johor), Penolong Pegawai Kewangan, Merinyu Bangunan, Pengawas Bandaran, Merinyu Kesihatan (6 orang), Merinyu Town Board (2 orang), Penghantar Notis (3 orang), Peon (5 Orang) dan 16 orang kerani.

Sumber hasil daripada cukai harta, lesen perniagaan, permit bangunan, sewa stor, gerai dan cukai basikal.



MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU (1977-1993)



Pejabat Majlis Perbandaran Johor Bahru 1990-an

LUAS KAWASAN

119.50 kilometer persegi

PENDUDUK

247,000 orang (1980)
392,000 orang (1990)

HASIL

\$16,491,100 (1980)
RM45,000,000 (1985)
RM77,780,000 (1993)

Majlis Tempatan Pandan dan Majlis Tempatan Kangkar Tebrau dimasukkan dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru hasil penyusunan semula penguasa tempatan dalam negeri Johor sebagaimana peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Jumlah anggota Majlis seramai 2005 orang iaitu 20 orang (Kumpulan A), 47 orang (Kumpulan B), 133 orang (Kumpulan C), 343 orang (Kumpulan D) dan 1,462 orang (Kumpulan IMG). Lebih 70 peratus hasil Majlis diperolehi daripada kutipan cukai harta berikutkan perkembangan sektor hartanah yang mewujudkan sebanyak 8,190 pegangan bercukai. Pada 5 Oktober 1984, Johor Bahru diisytiharkan sebagai 'Bandar Kembar' Bandar Raya Istanbul hasil lawatan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamed ke Turki.



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (1994-kini)

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



Bandar Raya Johor Bahru telah dianugerahkan taraf 'bandar raya' pada 1 Januari 1994 setelah memenuhi syarat dan kriteria untuk kenaikan taraf tersebut. MBJB diberi kuasa menerusi Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan beberapa akta lagi untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Pentadbiran MBJB diterajui oleh seorang Datuk Bandar serta dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pada 1 Januari 2016, menerusi perempadanan semula PBT di daerah Johor Bahru, kawasan pentadbiran MBJB telah diperluaskan menjadikan keluasan keseluruhan adalah 37,559.00 hektar berbanding keluasan sebelumnya iaitu 21,551.40 hektar.



Pejabat MBJB dahulu di Jalan Dato* Onn, Johor Bahru




Menara MBJB di Bukit Senyum



KRONOLOGI PERKEMBANGAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

1933
LEMBAGA BANDARAN
12.12 km²



1956
MAJLIS BANDARAN
48.99 km²

1977
MAJLIS PERBANDARAN
119.50 km²

1990
120.00
kilometer persegi




1994
MAJLIS BANDARAYA
1994 - 186.00 km²
2000 - 220.00 km²

**PELAN SEMPADAN AHLI MAJIS
BANDARAYA JOHOR BAHRU
MENGIKUT ZON BAGI
TAHUN 2022 HINGGA 2023**



ZON AHLI MAJIS	
PARLIMEN TERBAU	
A1 - ZON PRAK	TM. DATUK HAJI MOHAMAD BIN DOLMAT
A2 - ZON KELA CHENGJANG	TM. NOR ARIAH BINTI HAMZAH
A3 - ZON PELANGKIN	TM. NORSHARMINAH BINTI YAHYA
A4 - ZON MTA ALZH	TM. TEGOH CHIA LIM
A5 - ZON PATTI CHEN & KANGKANG TERBAU	TM. UTHMIZAH ABIDAH BINTI KHOZIRAH
A6 - ZON TAMAN DATA	TM. YAHIA ALADEEM BINTI HAMID
A7 - ZON MELAKA ALZIN	TM. NOV YEH EB
A8 - ZON ALZIN DATA	TM. YOSH JAT-KONG
PARLIMEN PASIR GUDANG	
B1 - ZON LOKER JALAN 1 & TAMAN PERMAI	TM. CHUA SAN SENG
B2 - ZON MSA HARMONI	TM. MOHD RAHMI ELIAS BIN ISMAIL
B3 - ZON PRIBAT ALIAH & TELUK AWIA	TM. MAIZ ZAKIRAH ABDY KHALIL
B4 - ZON TAMAN MIZAN	TM. CHONG TEE WING
PARLIMEN JOHOR BHUREH	
C1 - ZON KAWASAN KERASUS	TM. DATUH HAJI YAHYA BIN ANWAR
C2 - ZON LURAH	TM. RAJA SAJUDEEN BIN RAJU PUDU
C3 - ZON KU. MATAU & TAMAN JURU	TM. HIKMATULLAH BIN HABIB
C4 - ZON RUMAH TIRI	TM. KEPATUHAN
C5 - ZON KAWASAN RABU	TM. RAJA ERZA TAHIR ALI ALI
C6 - ZON SEKUNDAR	TM. SHIMA SHAH RONI
C7 - ZON TAMAN REKAAN & TAMAN SENTOTA	TM. ANDOO WING
C8 - ZON TAMAN RASA & WESTERSEA	TM. IS. JAYABELEH ALI OGIPI
PARLIMEN FILAI	
D1 - TAMPOH	TM. SUHAIMI BIN ABDI
D2 - ZON TAMPOH	TM. NOR ARIAH BINTI HAMZAH
D3 - TALLU SONGA	TM. PANAH SIEWA
D4 - ZON KANDOKE	TM. SEDRI AMPUZ YAHQI BIN SEDRI H. KHAMAR



DISEDIAKAN OLEH :
BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN,
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN,
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

DIKEMASKINI PADA: 13 SEPTEMBER 2022



MEMORABILIA JOHOR BAHRU



BERMULANYA SEJARAH

BANDAR RAYA... 1 JANUARI 1994

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



Tanggal 1 Januari 1994, terlakar peristiwa bersejarah perisytiharan Johor Bahru sebagai sebuah 'bandar raya'. Kenangan 30 tahun yang lalu akan menjadi memori bernilai terutama kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru dan seluruh penduduk Bandar Raya Johor Bahru. Era baharu status bandar raya Johor Bahru ini telah diisytiharkan secara rasmi oleh DYMM Sultan Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail, Sultan Johor yang memerintah pada ketika itu. Lebih 400,000 warga kota hadir merayakan detik bersejarah dan penuh gilang-gemilang itu bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru.



SURATCARA PENGURNIAAN TARAF BANDARAYA
KEPAWAJAHAN MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU

004
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IX Sultan Azlan Shah



[Signature]
[Date: 1 Jan 1994]

BAHAWASANYA permaisuri-purwak Majlis Perbandaran Johor Bahru di Negeri Johor adalah merasmi sebaik permaisuri yang bertolakukur dengan hadu dan gilir Majlis Perbandaran Johor Bahru;

BAN BAFAWASANYA RAMI iaitu menurutmenarik atau temapanya tuan Majlis Perbandaran merintau Konsul Ahli Kerajaan Tempatan, 1974 di hadap Sekolah Tadika 360, yang dikenal sebagai Presint 301, 67284 dalam Wilayah Kerajaan Negeri Johor berpasir Theraidah Nusajaya, 2076 dan berjaya meraih pencapaian emas dari Panching April 1977, yang mengiktiraukan perolehan penghargaan kerjasama teknik pada akhirnya Majlis Perbandaran Johor Bahru untuk merangkul dan Majlis Perbandaran Johor Bahru mengalih alih Bandaraya.

OLEH HAL YANG SEMPURNA, maka ketentuan Johor Bahru diantara Konsul Tempatan, Pengarah Konsul, Konsul merintau, Pejabat Besar Konsul ini merangkular, merasmi dan menurutmenarik Majlis Perbandaran Johor Bahru berdasarkan undang-undang kerajaan Negeri Johor, 1991 bagi wilayah tertentu merangkuk Bandaraya Ibupejabat dan sering dipanggil "MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU". Jadi lagi Majlis Perbandaran Johor Bahru dengan merasmi juga merangkuk segala hak kewenangan dan hak istimewa yang termasuk bagaimana Bandaraya.

Berkenaan mengikutnya empayar dan merangkular bersama AHADILAH Majlis Perbandaran Johor Bahru mendeklari sesebuah status perolehan yang bertolakukur dengan nama datang "MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU" dengan merasmi segera berasa dan komitmen yang diperlukan untuk mengalih alih Majlis Perbandaran Johor Bahru dan merangkul menjadi bandaraya yang bertolakukur dengan nama "MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU".

Dan lagi ketentuan bawahan Konsul dengan perolehan di atas merangkular maklumat Konsul yang dilaksana Baginda Sultan Iskandar Zul Almarhum Sultan Ismail, Sultan Yang di-Pertuan Bagi Negeri dan Jatabas Tuanku Johor Darul Ta'zim mengalih alih nama jalan atau nama kawasan bagi mengalih alih dan menggantikan maklumat Konsul ia.

Dikemukakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada : - Iskuhanan Bebas, Tolok Hujung Kaki Melaka dan S.A.W. Setia, Empul Batu, Empul Batu, bersempena dengan : - turbinan Sungai, Tuanku Muda Seri Iskandar Sultan Ismail Paku Tiga.

**Suratcara Pengurniaan Taraf Bandar Raya
kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong IX Sultan Azlan Shah**

ASSALAAMU ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKAATUH,
BISMILLAHIR RAHMAANIR RAHIM. ALHAMDU LILLAHI
RABBIL AALAMIN, WASSOOLATU WASSALAAMU ALAA
SAIYIDINA MUHAMMADIN ASYRAFIL AMBIYAAI
WALMURSALIIN, WAALAA AALIHII WASOHBIIH AJMAAHN.

ADALAH DENGAN INI SAYA ISYIHKARAKAN BAHWA MAJLIS
PERBANDARAN JOHOR BAHRU MULAI HARI INI DAN BUAT
SELAMA-LAMANYA MENJADI SEBUAH BANDARAYA BERNAMA
DAN BERGELAR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU DENGAN
MEMPUNYAI SEGALA TARAF KEBELENGGUAN DAN HAK ISTIMEWA
YANG TERTENTU BAGI SEBUAH BANDARAYA.

ALLAH PELIHARAKAN SULTAN


**Titah DYMM Sultan Johor Semasa
Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru
pada 1 Januari 1994**



KETERANGAN MAKSUD LOGO SAMBUTAN JUBLI MUTIARA

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni

Logo Ulang Tahun Perisytiharan MBJB Ke-30



KETERANGAN MAKSUD LOGO

Angka 30 tahun melambangkan warga bandar raya Johor Bahru satu hati menjadikan bandar Johor Bahru terus maju dan berjaya.

Warna emas melambangkan 'mewah' bermaksud kuasa, kekayaan, kemegahan, kedudukan, konsentrasi, kekaguman dan dominan. Warna putih/warna mutiara sempena ulang tahun ke-30 Majlis Bandaraya Johor Bahru (Jubli Mutiara).

JB Berdaya Huni merupakan slogan yang membawa maksud bandar raya Johor Bahru pantas membangun dengan mampan dan terus unggul di persada antarabangsa.

KETERANGAN MAKSUD JATA MBJB



Jata MBJB sekarang
(Guna rasmi pada 2019)



Jata MBJB dahulu
(1994 - 2018)

Jata Majlis Bandaraya Johor Bahru menggambarkan tiga ciri utama Johor Bahru iaitu sebagai ibu negeri bagi negeri Johor Darul Ta'zim, pusat perdagangan dan perindustrian, pusat pelancongan serta pusat kebudayaan dan pendidikan. Jata ini mempunyai simbol-simbol yang menjelaskan ciri-ciri utama Majlis Bandaraya Johor Bahru dan peranannya sebagaimana berikut:

1

MAHKOTA DIRAJA

Mahkota Diraja merujuk simbol keputuhan kepada kedaulatan diraja yang menjadi penaung utama di negeri Johor. Bulan dan bintang merujuk simbol agama Islam sebagai agama rasmi bagi negeri Johor.

2

DUA EKOR HARIMAU

Dua Ekor Harimau melambangkan keberanian dan ketegasan dari segi perlombongan dan undang undang.

3

DAUN GAMBIR DAN LADA HITAM

Daun Gambir dan Lada Hitam melambangkan sejarah ekonomi Johor Bahru sebagai pengeluar utama tanaman gambir dan lada hitam pada zaman kegemilangannya.

4

SKROL SJIJ

Skrol Sjiil melambangkan kepentingan ilmu pengetahuan dan perancangan sebagai asas utama dalam membangunkan bandar raya Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa.



KETERANGAN MAKSUD BENDERA MBJB

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



1

BULAN DAN BINTANG

Melambangkan Islam sebagai agama rasmi.

WARNA MERAH

Melambangkan kemakmuran dan kemajuan bandar raya sebagai pusat pertumbuhan yang utama di Selatan Semenanjung.

2

3

WARNA BIRU

Melambangkan objektif dan fungsi MBJB sebagai Pihak Berkusa. Tempatan yang memberi pelbagai perkhidmatan perbandaran. Ia juga melambangkan matlamat menjadikan Johor Bahru bandar raya maju, bersih, indah dan makmur.

4

WARNA PUTIH

Melambangkan keharmonian dan perpaduan penduduk bandar raya yang berbilang bangsa serta MBJB sebagai Pihak Berkusa. Tempatan yang berganding bahu menggembang tenaga membangunkan bandar raya.

LAGU BANDARAYA

IMPIAN TERLAKSANA



Indah, aman dan damai
Bandar rayaku yang tercinta
Rakyat berbilang bangsa
Hidup aman dan sentosa

Ayuhlah semua
Gemblengkan tenaga
Menuju ke wawasan

Chorus

Johor Bahru bandar raya maju
Tumpuan peniaga dan pelancong
Johor Bahru bandar raya makmur
Pembangunannya terus disanjung

Johor Bahru kau kemegahanku
Bandar raya pesat membangun
Johor Bahru akan kubuktikan
Kejayaanmu menjadi warisan



Inai Merah ialah Bunga Rasmî MBJB



DATUK BANDAR JOHOR BAHRU






DATUK BANDAR KETUJUH
TUAN HAJI BURHAN BIN AMIN
8 OGOS 2011 – 2 JUN 2013



DATUK BANDAR KELAPAN
YB DATO' ISMAIL BIN KARIM
3 JUN 2013 – 13 APRIL 2014



DATUK BANDAR KESEMBILAN
**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMED DEWAM**
21 APRIL 2014 – 15 OGOS 2015



DATUK BANDAR KESEPULUH
YB DATO' HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN
16 OGOS 2015 – 22 OKTOBER 2017



DATUK BANDAR KE-11
YB DATO' HAJI AMRAN BIN A. RAHMAN
23 OKTOBER 2017 – 14 NOVEMBER 2019



DATUK BANDAR KE-12
YB DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD
17 NOVEMBER 2019 – 14 OGOS 2021



JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



DATUK BANDAR KE-13
YB DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN
15 OGOS 2021 - KINI



ANUGERAH & PENGIFTIRAFAN



ANUGERAH & PENGIFTIRAFAN



ANUGERAH BANDAR MAMPAK TERBAIK 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN – KATEGORI MAJLIS BANDARAYA SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2022 – 9 NOVEMBER 2022



GOLD AWARD-KATEGORI INCLUSIVE DESIGN BAGI PROJEK "CORONATION AVENUE PEDESTRIAN CONNECTIVITY IMPROVEMENT PROJECT IN DOWNTOWN JB (MIP PLANNING EXCELLENCE AWARD 2022) - 17 JANUARI 2023



SILVER AWARD
HERITAGE AND CONSERVATION
(PROJECT BASED CATEGORY)
THE EIGHT, THE CC CONSERVATION OF 8 SHOPHOUSES

GOLD AWARD – KATEGORI PLANNING SERVICE EXCELLENCE
BAGI PROJEK Geo JBPORTAL: AN URBAN MANIFESTATION (MIP PLANNING EXCELLENCE AWARD 2022) - 17 JANUARI 2023





JOHOR BAHRU
Berdaya Huni

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni





ANUGERAH TEMPAT KE-2 KATEGORI PERBARISAN DAN TEMPAT KE-3
KATEGORI SEPANDUK DALAM PERARAKAN SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 1445H / 2023M
YANG BERLANGSUNG DI DAERAH MUAR, JOHOR





KERJASAMA STRATEGIK



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA KYOTO CITY HALL, JICA, KEAA & IRDA

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



MBJB telah memeterai sebuah Memorandum Persefahaman bersama Kyoto City Hall, JICA, KEAA dan IRDA pada 12 Mei 2021 bagi tujuan pembangunan sebuah Hab Masyarakat Rendah Karbon di Johor Bahru bagi tujuan jaringan dan pembangunan kapasiti dan sebagai model untuk negara ASEAN. Melalui kerjasama ini, sebuah Pusat Ekologi akan dibangunkan di bandar raya Johor Bahru bagi tujuan pendidikan, konservasi serta melatih masyarakat dalam aspek persekitaran dan rendah karbon yang akan menjadi pusat rujukan di negeri Johor. Pusat Ekologi ini turut akan dijadikan 'platform' untuk memperkenalkan 'The Kyoto-Model' dalam aspek rendah karbon dan kelestarian alam sekitar kepada bandar-bandar lain dalam Malaysia serta wilayah ASEAN. Pihak JICA juga telah komited untuk memperuntukkan sebanyak RM 2juta bagi pengisian Pusat Ekologi ini termasuk latihan dan perkongsian kepakaran.



Pada 13 November 2023, MBJB terus melebarkan jaringan kerjasamanya di peringkat antarabangsa melalui pelanjutan kerjasama Memorandum Persefahaman bersama bandar raya Kyoto Jepun, Kyoto Environmental Activities Association (KEAA), Japan International Cooperation Agency (JICA) dan Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) di Asia Pacific Climate Week (APCW) 2023.

'MOU' PIHK BERKUASA TEMPATAN 'THE GREATER JOHOR BAHRU'



Sebagai usaha berterusan menjayakan agenda pembangunan 'The Greater Johor Bahru' dan Negeri Johor, satu Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Pihak Berkua Tempatan 'The Greater' Johor Bahru bersama Persatuan Profesional Johor telah diadakan di Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 31 Januari 2023.

Pihak-Pihak Berkua Tempatan 'The Greater' Johor Bahru yang memeterai MOU ini termasuklah Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Kulai, bersama Persatuan Profesional Johor yang terdiri daripada Persatuan Akitek Malaysia Southern Chapter (PAMSo), Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA), Institution of Engineers Malaysia Southern Branch (IEMSB), Johor Master Builders Association (JMBA), Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM), Malaysia Institute of Planners (MIP), Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM), Persatuan Arborist Malaysia (PARM) dan Association of Consulting Architects Malaysia (ACAM).

MOU yang dimeterai ini merupakan kesinambungan dari beberapa siri perbincangan setelah 'The Greater' Johor Bahru dibentuk pada tahun 2022, bertujuan memacu pembangunan di Johor Bahru dan Negeri Johor selari dengan sasaran 'The Greater' Johor Bahru agar setaraf dengan bandar-bandar maju di peringkat global. Selain itu, persefahaman ini memastikan keselarasan dalam proses penyediaan, pengesyoran dan kelulusan pembangunan-pembangunan baharu dalam kawasan Pihak Berkua Tempatan (PBT) 'The Greater' Johor Bahru agar lebih lancar dan efisien untuk kebaikan bersama.



KERJASAMA DUA HALA BERSAMA DAEGU METROPOLITAN CITY

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni

Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menerima lawatan delegasi dari Daegu Metropolitan City, Republic of Korea, serta menandatangani perjanjian kerjasama dua hala di antara Johor Bahru dan Daegu pada 23 Mei 2023. Delegasi Daegu Metropolitan City Government telah diketuai oleh Mr. Hong Joon Pyo, Mayor of Daegu, yang hadir bersama-sama Mr. Lee Man Kyu, Chairman of Daegu City Council, Mr. Lee Chong Hwa, Vice Mayor of Daegu serta barisan ketua jabatan dan pegawai dari Daegu Metropolitan City Government.

Hadir menyaksikan pemerataian MOU ini ialah YB Dato' Haji Mohd. Jafni bin Md Shukor, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, bersama-sama YB Dato' Dr. Haji Badrul Hisham bin Kassim, Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), YB Dato' Haji Ramlee bin Haji A Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd, serta ketua-ketua jabatan MBB.

Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah dimeterai ini bertujuan membentuk kerjasama dalam bidang ekonomi, teknologi, pelancongan, pendidikan, seni dan budaya, selain meneroka peluang kolaborasi dalam agenda masyarakat rendah karbon, bandar pintar, teknologi hijau dan sebagainya.





TARIKAN UNIK JOHOR BAHRU



IKONIK JOHOR BAHRU

Luhur hasrat pemimpin bestari,
Agenda pembangunan terus dipacu,
Jejak warisan Iskandar Puteri,
Membawa Johor Bahru tinggi di mercu.



DATARAN BANDARAYA... terkenal kerana sebuah menara jam yang menjadi mercu tanda di bandar raya Johor Bahru. Menara ini dibina sempena perisytiharan Majlis Perbandaran Johor Bahru kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru pada tahun 1994. Kompleks dataran ini terdiri daripada sebuah menara jam dan dua buah padang yang sering digunakan untuk aktiviti riadah dan penganjuran program selain kemudahan dua buah skrin ergusi.

LAMAN MAHKOTA... terletak di Istana Bukit Serene dan merupakan mercu tanda ikonik bandar raya Johor Bahru. Ia dibina sebagai simbolik penghargaan DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar buat rakyat jelatanya. Konsep penggunaan gading gajah dan mahkota sebagai identiti mercu tanda itu melambangkan keistimewaan negeri Johor dan pengaruh Kesultanan Johor. Gerbang ini disalutti dengan 3,063 biji kristal berwarna biru, putih, merah, hijau, merah jambu dan ungu dengan 17 jenis saiz yang berbeza.






JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



KILOMETER SIFAR atau ‘Zero Mile’ di Semenanjung Malaysia terletak berhadapan Pejabat Pos Besar, Johor Bahru. Binaan batu ini yang bertulis ‘KM 0’ sebagai penanda jarak utama hubungan laluan jalan yang dikira dari Johor Bahru termasuklah Laluan Persekutuan Malaysia 1, Laluan Persekutuan Malaysia 3 dan Laluan Persekutuan Malaysia 5.

LAMAN SERENE... terletak di hadapan Istana Bukit Serene merupakan mercu tanda tarikan yang terkini pengunjung ke bandar raya Johor Bahru. Laman ini berkeluasan 433 meter persegi ini terdiri daripada arca bulan dan bintang berketinggian 14 meter seperti yang terdapat pada bendera negeri Johor. Arca bulan dan bintang ini dikelilingi 5 buah menara yang mempunyai reka bentuk seperti Istana Bukit Serene.





WARISAN BERSEJARAH



MASJID SULTAN ABU BAKAR terletak di Bukit Redan Jalan Skudai kira-kira 2 kilometer dari pusat bandar raya. Lokasinya yang strategik di tepi Selat Tebrau dengan kedudukannya di atas bukit telah menjadikan bangunan ini sebagai mercu tanda Johor Bahru. Masjid ini direka bentuk oleh Haji Mohd. Arif bin Punak manakala jurutera pembinaannya ialah Datuk Yahya bin Awaluddin. Mula dibina pada tahun 1892 atas titah Almarhum Sultan Abu Bakar. Pada hari Jumaat, 2 Februari 1900 masjid ini telah dirasmikan oleh Almarhum Sultan Ibrahim. Masjid ini mempunyai senibina yang sangat unik yang menggabungkan ciri-ciri Islamik dan kolonial. Seni bina ala Moorish turut menjadi tarikan utama masjid ini.

Bangunan Sultan Ibrahim nama diberi,
Mercu tanda di Bukit Timbalan,
Pembangunan holistik kehidupan lestari,
Semua rakyat tidak ketinggalan.

Bangunan ini telah dibina pada tahun 1940 hasil gabungan senibina Melayu Johor, Islam dan kolonial. Bangunan ini menjadi bangunan tertinggi di Malaya ketika zaman sebelum merdeka. Ketika perang Dunia ke-2, tentara Jepun telah menduduki bangunan tersebut sebagai kubu mereka dan pusat gerakan untuk menyerang Singapura. Terdapat ukiran seperti bunga cengklik dan lada hitam di tiang sebagai lambang hasil utama negeri Johor pada ketika itu.





HOSPITAL SULTANAH AMINAH dibina pada tahun 1938 dengan kos sebanyak \$2.05 juta. Bangunan enam tingkat ini dibina daripada batu bata merah tanpa lepaan menyerlahkan keunikannya yang tersendiri. Konsep reka bentuk dipengaruhi oleh seni bina barat iaitu gaya 'palladian' yang disesuaikan dengan ciri-ciri tempatan.



ZOO JOHOR... telah ditubuhkan pada tahun 1928 oleh DYMM Almarhum Sultan Sir Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar kerana minat baginda yang sayang akan haiwan. Pada awalnya baginda telah menamakan zoo ini dengan nama 'Kebun Binatang' dan dipercayai bahawa kewujudan zoo ini adalah yang pertama di Asia. Keluasan Zoo Johor adalah kira-kira 12.5 ekar dan terletak satu kilometer dari pusat bandar Johor Bahru.

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni

KOMPLEKS MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU... Bangunan ini mempunyai peranan penting dalam sejarah Johor Bahru. Bangunan dua tingkat yang menempatkan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen dibina semasa pemerintahan British. Terletak di Jalan Air Molek, keunikan gaya seni binanya ala kolonial British menyerlahkan keistimewaan bangunan mahkamah ini sekali gus menjadikannya mercu tanda menarik di bandar raya ini.





PUSAT PENDIDIKAN AWAL DI JOHOR BAHRU

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



Maktab Sultan Abu Bakar atau English College merupakan salah sebuah sekolah yang tertua di Johor Bahru dan telah melahirkan tokoh masyarakat yang disegani antaranya mantan Perdana Menteri Malaysia Ketiga, Tun Hussein Onn dan mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam. Pada zaman pemerintahan tentera Jepun, bangunan ini pernah menjadi markasnya. Reka bentuk bangunan ini yang unik menjadi daya tarikan di mata pengunjung.



*Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).
Sebelum ini dikenali sebagai MARSAH.*



Sekolah Tun Fatimah



Sekolah Menengah Kebangsaan Convent



SJK (C) Foon Yew 1



RIADAH & REKREASI



Meningkat usaha mengawal selia,
Bersatu warga memberi khidmat,
Jujur berbakti amalan mulia,
Bersama membina bandar raya selamat.



RUMAH JOHOR... merupakan salah sebuah rumah tradisional negeri Johor. Rumah Johor ini dibina khas di Hutan Bandar Johor Bahru bagi memperkenalkan seni pertukangan tradisional Johor dan dijadikan sumber tarikan pengunjung. Rumah Johor juga dikenali sebagai rumah limas kerana bumbungnya mempunyai perabung panjang dan bersambung dengan empat buah perabung limas menurun ke cucuran atap. Rumah Johor amat mudah dikenali berdasarkan puncak bumbungnya yang dipasang kayu berbentuk tajam yang dipanggil 'Tunjuk Langit'.



HUTAN BANDAR... merupakan hutan rekreasi yang popular di bandar raya Johor Bahru. Kedudukannya kira-kira 2 km dari pusat bandar raya meliputi kawasan seluas 20.23 hektar. Lokasinya sesuai untuk pengunjung beriadah dan melaksanakan aktiviti sukan.



TAMAN MERDEKA... Taman yang terletak di Tasek Utara iaitu kira-kira 3 km dari pusat bandar raya Johor Bahru ini mempunyai kawasan seluas 31 ekar. Di sini pengunjung bukan sahaja dapat beriadah tetapi juga dapat mempelajari perihal kemerdekaan melalui komponen pembangunan yang telah disediakan kerana setiap sudut di kawasan Taman Merdeka berkoncepkan peredaran sejarah yang bermula dari zaman Kesultanan Melayu sehingga zaman kemerdekaan negara



TAMAN BUNGA RAYA... mula dibuka kepada orang ramai pada 1 Ogos 2019 dan merupakan sebuah taman rekreasi yang terletak berhampiran pusat bandar Johor Bahru. Taman ini telah ditambah baik dari aspek keindahan landskap dan kemudahan awam untuk dimanfaatkan oleh para pengunjung yang datang beriadah dan melakukan aktiviti santai bersama keluarga. Antara kemudahan yang disediakan termasuklah surau, tandas, gelanggang bola keranjang, taman permainan, trek jogging dan sebagainya.



Dilaham dan dirasmikan oleh DYAM Tunku Ismail Idris ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor pada 21 Disember 2020. Terletak di Hutan Bandar Johor Bahru dengan keluasan 15 ekar. Pembangunan TMIYC Johor Bahru terdiri daripada 12 komponen kemudahan.

**KOMPONEN TUNKU MAHKOTA ISMAIL
YOUTH CENTRE (TMIYC) JOHOR
BAHRU:**

1. YOUTH CENTRE
2. ROCK YARD
3. SKATE PRO
4. PUMP TRACK
5. MOUNTAIN BIKE TRAIL
6. PARKOUR PARK
7. THE STAGE
8. CANOPY WALK
9. CHILL PODS
10. KIDDO GROUND
11. CONCEPT STORE & CAFE
12. KUBUS LESTARI (MULTI PURPOSE HALL & SURAU)




LAMAN TASIKPANDAN terletak di Taman Desa Harmoni, Johor Bahru. Tasik ini berkeluasan lebih daripada 10 ekar dan dilengkapi dengan peralatan gimnasium, sebuah padang permainan untuk kanak-kanak dan sebuah trek jogging.



SELERA BANGSA JOHOR

KACANG POOL... merupakan hidangan roti yang dimakan bersama kuah dan sangat enak dimakan ketika masih panas. Kuah Kacang Pool ini dimasak dengan daging cincang untuk menambah kepekatannya sebelum dihias dengan hirisannya bawang, lada benggala, dan telur mata lembu dan dinikmati bersama roti tebal istimewa yang disapu dengan marjerin.



Roti yang dibakar dengan menggunakan dapur kayu menjadikan bau roti lebih harum dan lebih enak dimakan begitu sahaja.

Penggemar roti khususnya mereka yang bekerja dan mencari rezeki di sekitar pusat bandar Johor Bahru pasti kenal dengan Kedai Roti Salahudin yang terletak di Jalan Dhobi, berdekatan dengan Masjid India. Selama 80 tahun kedai tersebut beroperasi. Encik Salahudin Khan bin Samsul Haq merupakan generasi ketiga yang mewarisi perniagaan tersebut yang dimulakan oleh datuknya Mohamad Sharif Khan Bin Ma'qu yang berasal dari New Delhi, India. Keistimewaan roti-roti yang terdapat di sini adalah melalui kaedah penyediaannya yang masih mengekalkan cara lama iaitu dengan menggunakan dapur kayu dan menjadikan roti yang dibakar lebih harum.

ANEKA MAKANAN TRADISI MASYARAKAT MELAYU DI JOHOR BAHRU



Nasi Beriani ialah hidangan istimewa terutama di majlis perkahwinan dan majlis rasmi yang lain. Nasi ini biasanya dihidangkan bersama lauk-pauk termasuk ayam masak merah, daging lembu dan kambing dimasak rempah, dalca dan acar buah.

Mi Rebus merupakan hidangan yang terdiri daripada mi kuning yang dimakan dengan kuah yang sedikit pedas, pekat dan manis. Kuahnya diperbuat daripada keledek, serbuk kari, udang kering dan kacang tanah. Sajian ini lazimnya dihidang bersama telur rebus, limau kasturi, daun bawang, daun sup, cili hijau, tauhu goreng, bawang goreng, tauge, hirisan daging dan tulang lembu atau kambing.





Mi Bandung



Soto Nasi



Laksa Johor

Antara hidangan wajib cuba bagi pengunjung yang datang dari luar negeri Johor yang berkunjung ke Johor Bahru.

MAKANAN TRADISI MASYARAKAT INDIA DI JOHOR BAHRU



Sajian popular masyarakat India ialah menu nasi putih daun pisang berserta lauk-pauk yang istimewa iaitu acar, ikan goreng, kari ayam, kari kambing, kari kepala ikan, sambal sotong, ayam masala dan kambing masala.



Capati



Tosei



MAKANAN TRADISI MASYARAKAT CINA DI JOHOR BAHRU



Bagi penggemar makanan Cina, sajian makanan bangsa ini juga boleh didapati di Johor Bahru. Antara hidangan istimewanya ialah dim sum, popia (spring roll), kuetiau, chee cheong fan, yong tau foo, nasi ayam, bubur, o'chian (tiram goreng), steam boat dan aneka mi.



PERAYAAN & KEBUDAYAAN

Walaupun bandar raya Johor Bahru telah mengalami pembangunan dan pemodenan yang sangat pesat, namun begitu nilai sejarah dan keunikan budaya setempat tetap dipertahankan sekali gus memenuhi fungsi pusat bandar sebagai pusat kebudayaan dan warisan.



Variasi kebudayaan pelbagai kaum di Johor Bahru senantiasa diterapkan dalam kalangan generasi muda.

Warga bandar raya yang berbilang bangsa meraikan pelbagai perayaan yang menjadi tarikan setiap tahun. Antara sambutan utama seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha dan Maulidur Rasul. Masyarakat Tionghua pula menyambut perayaan chingay setiap tahun dengan berarak di Jalan Wong Ah Fook di pusat bandar Johor Bahru. Manakala masyarakat India meraikan Hari Deepavali serta Hari Thaipusam.



Sekitar Perayaan Tahun Baru Cina oleh masyarakat Cina





Sambutan Hari Thaipusam oleh masyarakat India di Kuil Arulmigu Thendayuthapani, Wadi Hana, Johor Bahru.





PUSAT PERDAGANGAN EKONOMI, PERNIAGAAN & INDUSTRI

Ekonomi bandar raya Johor Bahru turut menggalakkan perkembangan pengusaha dan penjaja kecil menerusi penganjuran pasar tani, bazar, gerai kecil dan lain-lain lagi yang dilihat mampu menjana pendapatan di samping menjadi salah satu destinasi yang menarik untuk dikunjungi oleh pengunjung yang melancong ke Johor Bahru.



Larkin Sentral tidak hanya menyediakan kemudahan perkhidmatan pengangkutan bas dan teksi, malah turut menyediakan kemudahan pasar awam, medan selera, kedai runcit dan kedai menjual pakaian dan perkakasan rumah.



Sektor perdagangan dan peruncitan berkembang pesat di bandar raya Johor Bahru kerana kuasa beli masyarakat setempat yang baik selain menjadi tumpuan warga Singapura membeli-belah. Kewujudan pusat membeli-belah ini turut menjadi suatu tarikan kepada para pelancong yang berkunjung ke bandar raya ini kerana menyediakan pelbagai pilihan barang berjenama dari dalam dan luar negara.





JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



PELAN KESELURUHAN KAWASAN PERINDUSTRIAN MBJB



KAWASAN PERINDUSTRIAN

- 1 KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT MEWAH
- 2 KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMPOI 1
- 3 KAWASAN PERINDUSTRIAN DATO' ONN
- 4 KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMPOI 2
- 5 KAWASAN PERINDUSTRIAN BANDAR BARU PERMAS JAYA
- 6 KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA PLENTONG
- 7 KAWASAN PERINDUSTRIAN KOTA PUTERI
- 8 KAWASAN PERINDUSTRIAN KOTA PUTERI 2
- 9 KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMAN JOHOR
- 10 KAWASAN PERINDUSTRIAN RINGAN PULAI
- 11 KAWASAN PERINDUSTRIAN MAJU JAYA 2
- 12 KAWASAN PERINDUSTRIAN MAJU JAYA 1
- 13 KAWASAN PERINDUSTRIAN JALAN TAMPOI 3
- 14 KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMAN GEMBIRA
- 15 KAWASAN PERINDUSTRIAN DEWANI
- 16 KAWASAN PERINDUSTRIAN SRI PURNAMA
- 17 KAWASAN PERINDUSTRIAN TEBRAU I
- 18 KAWASAN PERINDUSTRIAN TEBRAU IV
- 19 KAWASAN PERINDUSTRIAN TEBRAU II
- 20 KAWASAN PERINDUSTRIAN BATU 7 & PANDAN
- 21 KAWASAN PERINDUSTRIAN TEBRAU III
- 22 KAWASAN PERINDUSTRIAN JOHOR JAYA
- 23 KAWASAN PERINDUSTRIAN MAJU JAYA & PUSAT INDUSTRI KEMPAS UTAMA
- 24 KAWASAN PERINDUSTRIAN BERJAYA
- 25 KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMAN DAYA
- 26 KAWASAN PERINDUSTRIAN MOUNT AUSTIN
- 27 ECO BUSINESS PARK 1 & SETIA BUSINESS PARK II
- 28 KAWASAN PERINDUSTRIAN KOTA SERI JOHOR 2
- 29 KAWASAN PERINDUSTRIAN SEELONG 2
- 30 KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMAN DESA JAYA
- 31 KAWASAN PERINDUSTRIAN TAMAN JOHOR JAYA
- 32 KAWASAN PERINDUSTRIAN ULU TIRAM 1
- 33 KAWASAN PERINDUSTRIAN ULU TIRAM 2
- 34 KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA CEMERLANG 2
- 35 KAWASAN PERINDUSTRIAN DESA CEMERLANG 1
- 36 KAWASAN PERINDUSTRIAN FRONTIER
- 37 TAMAN PERINDUSTRIAN PLENTONG
- 38 TAMAN PERINDUSTRIAN SERI PLENTONG



KAWASAN PERINDUSTRIAN DI JOHOR BAHRU

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



PENGINAPAN DAN HOSPITALITI

Sektor pelancongan merupakan antara penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi Johor. Dari tahun ke tahun, kemasukan pelancong ke negeri ini semakin meningkat. Kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif dalam mempromosi dan merangka insentif untuk menggalakkan kemasukan pelancong.

Kerancakan industri pelancongan di bandar raya Johor Bahru pula disokong oleh pengusaha perhotelan yang menyediakan kemudahan penginapan yang pelbagai daripada kategori hotel bajet sehingga hotel bertaraf lima bintang.






Bandar raya Johor Bahru juga memiliki pusat bangunan yang menyediakan dewan-dewan yang berkapasiti tinggi dengan kemudahan fasiliti yang terbaik bagi penganjuran konvensyen, seminar dan acara berkonsep korporat. Kemudahan ini dapat menjadikan Johor Bahru sebagai tuan rumah dalam penganjuran acara-acara berprestij seperti Persada Convention Centre, Arena Larkin MBJB dan sebagainya.



Persada Convention Centre



Arena Larkin




Kewujudan infrastruktur dan fasiliti baharu terutama untuk penganjuran acara kemasyarakatan dan kesukanan di bandar raya Johor Bahru yang akan menjadi 'platform sport tourism'.



WAY FORWARD JOHOR BAHRU

SENARAI PEMBANGUNAN 'HIGH IMPACT' DALAM KAWASAN MBJB

- 1 DANGA HEIGHT
- 2 DANGA BAY FASA 2
- 3 DANGA BAY F1 & F2
- 4 LIDO WATERFRONT BOULEVARD
- 5 ARENA LARKIN
- 6 KOTA SOUTH-KEY
- 7 BANDAR BARU MAJIDEE
- 8 PANDAN BARU
- 9 TEBRAU BAY
- 10 SENIBONG COVE
- 11 TROPICANA DANGA COVE
- 12 BANDAR DATO' ONN
- 13 ECO CASCADIA & ECO SPRING
- 14 JAUHARI MAKSIMA





REVITALISASI SUNGAI


...Sungai Kelas II Yang Mengembalikan Mutu Air, Habitat Flora dan Fauna...



Cadangan 'Great Trail' untuk mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan kepadaan kawasan hutan bakau dan penjagaan sungai.



KAWASAN 'THE GREATER JB'



PIHAK BERKUASA TEMPATAN

MBJB	373.18 sq.km
MBIP	402.96 sq.km
MBPG	359.57 sq.km
MPKu	306.6 sq.km



3 International Ports



5 key ferry terminals along the JB coast that connects to Singapore and Indonesia



Easily accessible within a 6-hour flight of the major ASEAN cities



Connected by 2 international airports Senai and Changi (1 hour driving distance)



JB city is connected to Singapore through the Johor – Singapore Causeway and rail.



KEKUATAN 'THE GREATER JB'



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN




Penengah	RM7,342
Purata	RM9,315

GUNA TENAGA



805.9 ribu
Tenaga buruh



	Sekolah rendah	Sekolah menengah
Sekolah	181	87
Guru	9,962	7,486
Murid	151,451	99,901
	Peringkat menengah	Peringkat lepasan menengah
		2,172



**TEROKAI JOHOR BAHRU
MENERUSI PLATFORM DIGITAL
JEJAK JOHOR BAHRU**



IMBAS DI SINI



AGENDA SDG'S

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN



PROGRAM JB CAR FREE MORNING BAGI MEMBENTUK MASYARAKAT RENDAH KARBON

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni



- Program JB Car Free Morning yang telah dijenamakan semula oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru diadakan pada setiap hari Sabtu, minggu kedua pada setiap bulan bermula jam 7.00 pagi.
- Terbuka kepada orang awam termasuklah pengguna berbasikal, joggers, skateboarders, roller-bladers dan aktiviti riadah yang lain.



Penerapan amalan gaya hidup sihat sentiasa diterapkan dalam memastikan kesejahteraan masyarakat Johor Bahru dalam aspek fizikal dan mental.



JOHOR BERSIH / LITTER PICKING

Gotong-Royong Johor Bersih Perdana bersama YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, di Legaran Segget, Johor Bahru. Seramai 1,500 peserta dari agensi kerajaan, swasta serta warga Johor Bahru telah mengambil bahagian dalam aktiviti 'plogging', mengutip sampah, mengecat, meletakkan 'liquid effective microorganisme' (EM) di Sungai Segget, membersihkan laluan pejalan kaki dan lain-lain lagi untuk menjayakan agenda Johor Bersih di bandar raya Johor Bahru.





PROGRAM PENGINDAHAN SUNGAI

Program Pengindahan Sungai ini telah diadakan pada 11 November 2022 bertempat di Persisiran Sungai Sri Buntan, Bandar Baru Uda, Johor Bahru. Sebanyak 300 batang anak pokok telah ditanam menerusi program ini. Selain itu, turut diadakan aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan, bengkel membuat dan meletakkan 'mud ball' ke dalam sungai.



PROGRAM PENANAMAN POKOK

Program Penanaman 181,000 Pokok Sehari Negeri Johor di Taman Merdeka Johor Bahru pada 21 Oktober 2023. Program penanaman pokok ini diadakan bersempena Hari Alam Sekitar Negara. Selain di Taman Merdeka, MBJB turut telah menanam 3,000 pokok di Laman Tasik Pandan, Taman Setia Indah, Padang Bola Sepak Taman Desa Harmoni dan Taman Pelangi Indah.

PERKHIDMATAN MENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK DI MENARA MBJB

13 November 2023 - Sebagai usaha menyahut seruan bandar lestari, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menyediakan alat pengecas kenderaan elektrik di Menara MBJB sempena APCW 2023. Warga bandar raya Johor Bahru boleh menggunakan perkhidmatan yang disediakan ini semasa berkunjung ke Menara MBJB bagi menyokong hasrat menjayakan agenda hijau dan kelestarian di bandar raya ini.





PENGGUNAAN SKUTER ELEKTRIK

Majlis penyerahan skuter elektrik oleh pihak Blueshark Ecosystem Sdn. Bhd. dan Ni Hsin EV Tech Sdn. Bhd. kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 8 November 2023. Sebanyak 18 unit skuter elektrik telah diserahkan untuk diuji cuba dan digunakan oleh anggota di MBJB.





JOHOR BAHRU DI ERA PANDEMIK




MBJB MENDEPANI CABARAN PANDEMIK COVID-19

Pada tahun 2020 - Negara gempar dengan penularan wabak yang mengancam nyawa dikenali sebagai Coronavirus 2019 atau COVID-19. Johor Bahru merupakan antara daerah yang mencatat kes tertinggi pada ketika itu.



*Keadaan Sekitar Bandar Raya Johor Bahru Sepanjang
Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1*





Dalam mendepani cabaran pandemik ini, Majlis Bandaraya Johor Bahru selaku Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan bandar raya Johor Bahru telah giat melaksanakan beberapa langkah proaktif untuk memastikan kesejahteraan warga bandar raya ini terpelihara.



PENUBUHAN BILIK GERAKAN COVID-19 MBJB

Penubuhan bilik gerakan ini bertujuan merangka pelan tindakan yang kemas dan bersepadu bagi memberi maklumat dan panduan secara menyeluruh kepada semua anggota MBJB yang bertugas dalam tempoh PKP untuk menghadapi pelbagai kemungkinan akibat penularan virus berkenaan.

SUMBANGAN DANA UNTUK TABUNG BENCANA NEGERI JOHOR

Pada 6 Mei 2020 - MBJB telah berjaya mengumpul dana berjumlah RM 201,000.00 untuk disumbangkan kepada Tabung Bencana Negeri Johor bagi membantu mereka yang memerlukan dan terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Dana yang dikumpulkan menerusi potongan gaji warga kerja MBJB tersebut bermula April hingga Disember 2020 dengan kadar minima dari RM 5 hingga RM 100 sebulan mengikut persetujuan warga kerja MBJB.





IKHTIAR MAKMUR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menjayakan 5 Ikhtiar Makmur Johor yang berkait dengan organisasi ini sebagai salah satu usaha memastikan pembangunan ekonomi negeri ini mampu berdaya saing dengan negara luar yang turut terjejas susulan penularan wabak tersebut.

- 1 PENUBUHAN *IBRAHIM JOHOR ECONOMIC COUNCIL (IJEC)***
- 2 MENJAYAKAN JOHOR DIGITAL MASTERPLAN**
- 3 JOHOR INVESTMENT COMPANY (JICO) DI SINGAPURA**
- 4 MENJAYAKAN SEMULA SINGAPORE-JOHOR-RIAU-GROWTH TRIANGLE (SIJO-KEPRI)**
- 5 MENJAYAKAN PELAN PEMBANGUNAN MAMPAJ JOHOR 2019-2030**
- 6 JAJARAN EKONOMI BARU**
- 7 INISIATIF BANK MAKANAN JOHOR**



PROGRAM IMUNISASI COVID-19 PERINGKAT NEGERI JOHOR

Pada 1 Mac 2021 - Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menyahut seruan kerajaan dengan bersama-sama membendung penularan virus COVID-19 dengan menyertai Program Imunisasi COVID-19 Peringkat Negeri Johor. Antara jenis vaksin yang telah digunakan oleh Kerajaan Malaysia dalam program ini ialah Vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech, Oxford-AstraZeneca dan Sinovac.

PUSAT PEMBERIAN VAKSIN PANDU LALU OKU SENTRAL

Pada 23 Ogos 2021 - Datuk Bandar Johor Bahru berkesempatan melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pandu Lalu OKU Sentral di Pusat Akuatik Arena Larkin, Johor Bahru. Menurut Presiden OKU Sentral, YB Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi, PPV tersebut merupakan antara yang terbesar di negara setakat ini. PPV pandu lalu ini adalah usaha bagi memudahkan dan memastikan golongan rentan yang berisiko tinggi iaitu orang kelainan upaya (OKU) dan warga emas untuk mendapatkan vaksin dengan kadar segera serta tidak tercicir daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.





PROGRAM PENDAFTARAN VAKSINASI COVID-19 BERSAMA SOUTHERN VOLUNTEERS

Pada 22 Jun 2021 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Southern Volunteers Johor Bahru telah menjayakan Program Pendaftaran Vaksinasi COVID-19 di sekitar zon Ahli Majlis, MBJB. Seramai 25 sukarelawan dari Southern Volunteers terlibat dalam program ini. Bermula pada hari pertama sehingga hari ke-35 iaitu hari terakhir sesi pendaftaran vaksin, rekod pendaftaran vaksinasi yang terkumpul pada ketika itu adalah sebanyak 33,524 orang. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan peringkat tahap kesedaran masyarakat terhadap pentingnya pengambilan vaksin tersebut sebagai langkah pencegahan awal daripada jangkitan virus COVID-19.





SANJUNGAN BUDI

Majlis Bandaraya Johor Bahru merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala sokongan dan kerjasama untuk menjayakan penerbitan khas ini kepada semua pihak yang telah menghulur bantuan dan sokongan sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Terima kasih.

SIDANG EDITOR



Penasihat

Haji Miswan bin Yunus
Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru

Penyelaras Projek

Harulisam bin Ismail
Pengarah Korporat & Perhubungan Awam

Penolong Pengarang

Nurul Shafina binti Sha'ari

Jurufoto

Haji Bahri bin Abdullah

Penaung

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman
Datuk Bender Johor Bahru

Pengerusi

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru

Pengarang

Mohd Syazwan bin Abdul Rauf

Jurufoto

Romzi bin Yusof



AUTOGRAF / CATATAN

JOHOR BAHRU
Berdaya Huni